
HUBUNGAN ANTARA PENYESUAIAN KERJAYA DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM KALANGAN GURU PELATIH DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM

*Siti Hashimah Ghazali, Mohd Izwan Mahmud & Maisarah Mohd Wahed

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding Author: Shemahghazali.sg@gmail.com

Received date: 1 October 2019; Accepted date: 12 November 2019

Abstrak: Penyesuaian kerjaya merupakan suatu proses yang perlu dilalui oleh setiap individu merangkumi sikap, kompetensi dan tingkah laku yang digunakan oleh individu bagi menyesuaikan diri dalam persekitaran pekerjaan. Sokongan sosial pula adalah sokongan dari keluarga, rakan dan individu signifikan yang menyumbang kepada kesejahteraan diri dalam proses membuat penyesuaian kerjaya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial guru pelatih. Kajian ini menggunakan reka bentuk jenis deskriptif dan korelasi bagi mengukur tahap dan hubungan antara boleh ubah tersebut. Seramai 83 orang guru pelatih di sebuah universiti awam yang sedang dalam persediaan untuk menjalani internship terlibat sebagai responden kajian. Instrumen yang digunakan adalah *Career Adapt Ability Scale* (CAAS) bagi mengukur penyesuaian kerjaya dan *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) untuk mengukur sokongan sosial. Statistik yang digunakan untuk menjawab objektif adalah secara deskriptif (Min, sisisian piawai, peratus dan kekerapan), dan inferensi (*Pearson Corelation*). Dapatkan kajian mendapati secara keseluruhananya penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial dalam kalangan guru pelatih berada di tahap yang tinggi. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara penyesuaian dan sokongan rakan $r = .216$, $p < .05$. Bagaimana pun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penyesuaian kerjaya dengan sokongan keluarga $r = .127$, $p > .05$. dan sokongan individu signifikan, $r = .048$, $p > .05$. Kajian ini memberi implikasi terhadap peranan kaunselor dalam membangunkan program kerjaya pelajar dari aspek penyesuaian dan sokongan sosial. Cadangan kajian ini adalah (i) kaunselor perlu mengetahui dan berkemahiran dalam penggunaan sesuatu instrumen; dan (ii) kajian lanjutan hendaklah memberi tumpuan kajian berbentuk eksperimen bagi mengukur kesan terhadap sesuatu program kerjaya yang dilaksanakan.

Kata Kunci: Penyesuaian Kerjaya, Sokongan Sosial (Rakan, Keluarga, Dan Individu Signifikan), Guru Pelatih, Universiti Awam

PENGENALAN

Penyesuaian kerjaya merupakan suatu proses yang perlu dilalui oleh setiap individu merangkumi sikap, kompetensi dan tingkah laku yang digunakan oleh individu bagi menyesuaikan diri dalam persekitaran pekerjaan. Sokongan sosial pula merujuk kepada pelbagai sokongan material dan emosi yang diterima daripada individu lain (Brannon & Feist 2004). Brannon dan Feist (2004) juga mencadangkan bahawa individu yang menerima sokongan sosial daripada orang lain menunjukkan ciri-ciri kesihatan mental yang positif, kurang tertekan serta memiliki strategi daya tindak yang lebih baik berbanding individu yang terpinggir. Kajian oleh Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd. Norahim Mohd. Sani dan Aizan Sofia Amin (2016) menjelaskan bahawa sokongan sosial telah dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi yang lebih baik untuk mengelakkan kesunyian dan kemurungan.

Seorang guru yang profesional dan berkualiti dilihat perlu mempunyai penguasaan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme. Oleh itu, Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) dirangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menjadi panduan dan membantu guru untuk merancang pembangunan kerjaya dan pembangunan profesionalisme secara berterusan. Melalui dasar PIPPK ini juga turut menjelaskan tentang konsep pembangunan kompetensi, iaitu guru hendaklah kompeten dalam bidang tugas mereka. Dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan ini menjadi panduan kepada guru pelatih menyesuaikan diri dalam profesion perguruan dan dapat membantu guru pelatih dalam proses penyesuaian sebagai seorang guru yang profesional.

Kajian yang dijalankan di sekolah-sekolah di Amerika Utara mendapat secara puratanya 40 hingga 50 peratus guru keluar dari profesion perguruan dalam jangka masa 5 tahun perkhidmatan (Fantilli & McDougall, 2009). Hal ini menunjukkan tahap penyesuaian yang rendah menjadi faktor pengunduran diri guru dalam profesion perguruan. Disamping tahap penyesuaian yang rendah, sokongan sosial yang diterima juga mempengaruhi pengunduran diri guru dalam profesion perguruan.

Sokongan sosial meliputi sokongan daripada keluarga, rakan dan orang yang signifikan dalam diri seseorang. Selain itu, guru pelatih sering berhadapan dengan isu elau yang tidak diberikan kepada mereka sepanjang menjalani latihan praktikum. Hal ini akan memberi gangguan dan kesan kepada penyesuaian guru pelatih kerana akan berhadapan dengan masalah kewangan. Bukan itu sahaja, guru pelatih cenderung untuk mengalami tekanan kerana tidak mempunyai sokongan daripada ibu bapa dari segi kewangan kerana merasa malu untuk meminta wang daripada ibu bapa.

Bukan itu sahaja, pemilihan kerjaya sebagai guru bukanlah pilihan utama guru pelatih. Hal ini disebabkan oleh sistem UPU. Pelajar mengisi borang UPU secara atas talian dan mengisi sebanyak 8 pilihan dan pelajar ditawarkan pilihan terakhir yang mana ia bukan antara bidang yang menjadi kesukaan dan pilihan utama. Apabila ditawarkan bidang yang bukan pilihan, pelajar sekadar mempelajarinya untuk menghabiskan pengajian. Bahkan ada juga pelajar yang membuat pilihan kursus atas desakan keluarga. Pelajar mungkin boleh menunjukkan prestasi yang baik sepanjang sesi pengajian namun apabila memasuki alam pekerjaan, pelajar akan mengalami kesulitan kerana bekerja dalam bidang yang bukan minatnya dan ini akan menyebabkan pelajar tidak bermotivasi yang seterusnya akan menjaskan penyesuaian guru pelatih.

Oleh itu, kajian ini dilihat dapat memberi implikasi terhadap peranan kaunselor dalam membangunkan program kerjaya pelajar dari aspek penyesuaian dan sokongan sosial. Bahkan ia juga dapat memberi pendedahan kepada guru pelatih tentang pentingnya sokongan sosial daripada orang sekeliling terhadap perkembangan kerjaya.

Teori konstruktivis (*Constructivist Theory*)

Penyesuaian kerjaya yang dilihat dalam kajian ini adalah bersandarkan kepada teori kerjaya konstruktivis yang dikemukakan oleh Mark L. Savickas. Teori ini melihat kepada persediaan individu untuk memilih kerjaya dan mengaplikasi pekerjaan dalam kehidupan seharian. Menurut teori kerjaya ini, individu berfokus kepada minat atau tert dalam pemilihan pekerjaan. Bahkan, teori ini juga melihat kepada persekitaran pekerjaan dapat memberi kesan dan pengaruh terhadap individu dalam penyesuaian pekerjaan. Konsep teori kerjaya konstruktivis terbahagi kepada empat

bahagian iaitu personaliti vokasional, perkembangan tugas, dimensi adaptasi kerjaya dan tema kehidupan (Sharf, 2013). Konsep personaliti vokasional berasaskan teori Holland untuk mencari pekerjaan yang sesuai berdasarkan minat dan personaliti iaitu melalui kod (RIASEK) Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional. Perkembangan tugas pula adalah 5 tahap perkembangan individu dalam kerjaya iaitu dari tahap pertumbuhan (0-14 tahun), penerokaan (15-24 tahun), pengukuhan (25-44 tahun), pengekalan (45-64 tahun) dan penurunan (65 tahun dan keatas). Manakala bagi dimensi adaptasi kerjaya pula menurut Savickas (2005) terbahagi kepada 4 dimensi iaitu cakna diri, kawalan kendiri, sifat ingin tahu dan keyakinan diri. Seterusnya, konsep tema kehidupan adalah apabila individu menceritakan makna sesuatu kerjaya yang dilakukan melalui tema kehidupannya (Sharf, 2013).

Teori Regulasi Perhubungan (*Relational Regulation Theory*)

Sokongan sosial dalam kajian ini dilihat bersandarkan kepada teori regulasi perhubungan yang diperkenalkan oleh Lakey dan Orehek (2011). Teori ini menjelaskan sokongan sosial yang diberikan secara konsisten dapat dikaitkan dengan kesihatan mental yang baik. Menurut teori ini, kesan utama kesihatan mental yang baik adalah apabila individu dapat meregulasikan perasaan, pemikiran dan tingkah laku menerusi perbualan yang efektif dan aktiviti yang dilakukan bersama. Teori ini menekankan bagaimana sokongan sosial yang diterima melalui perhubungan sosial dengan orang sekeliling dapat mengurangkan tekanan dan menjadikan kesihatan mental seseorang berada di tahap yang baik. Teori ini dapat menjelaskan bagaimana sokongan sosial yang diterima daripada keluarga, rakan dan individu signifikan dapat menjadikan guru pelatih mudah untuk menyesuaikan diri dalam penyesuaian kerjaya (Lakey & Orehek, 2011).

Kajian Lepas

Penyesuaian Kerjaya

Buyukoze-kavas (2016) mendapati tret psikologikal yang positif menjadi peramal kepada penyesuaian kerjaya pelajar prasiswazah. Kajian yang melibatkan responden seramai 415 pelajar prasiswazah universiti di Turki mendapati pelajar yang mempunyai daya tahan yang tinggi, berharapan

dan optimistik mempersepsi diri dapat beradaptasi dan menyesuaikan diri dalam kerjaya dengan lebih baik. Kajian ini menyarankan kepada kaunselor untuk menggunakan pelbagai strategi untuk meningkatkan harapan, daya tahan dan optimistik pelajar agar dapat meningkatkan tahap penyesuaian kerjaya.

Seterusnya, Monteiro dan Leandro (2015) dalam kajian untuk melihat hubungan penyesuaian kerjaya dan pengalaman bekerja, aktiviti kurikulum, dan transisi kerja dalam kalangan graduan Portugis mendapati pelajar yang bekerja sambil belajar mempunyai tahap kawalan kendiri (*control*) yang tinggi berbanding pelajar yang belajar sepenuh masa. Manakala pelajar yang mempunyai pengalaman kerja pula mempunyai tahap sifat ingin tahu yang tinggi iaitu mereka cenderung untuk meneroka identiti, peranan sosial dan minat terhadap persekitaran kerjaya yang ingin diceburi. Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan antara pelajar yang mempunyai pengalaman aktiviti kurikulum dan pelajar yang tidak mempunyai pengalaman kurikulum di universiti. Disamping itu, pelajar yang mempunyai kesukaran dalam proses transisi kerja mempunyai tahap kawalan kendiri (*control*) yang rendah.

Kajian oleh Sahin dan Kirdok (2018) yang mengkaji tentang hubungan antara penyesuaian kerjaya, kesejahteraan subjektif dan sokongan sosial mendapati sokongan sosial daripada keluarga, guru dan rakan meramalkan penyesuaian kerjaya pelajar. Sokongan sosial daripada keluarga merupakan peramat yang tinggi kepada penyesuaian kerjaya pelajar oleh kerana sokongan daripada keluarga memberi pengetahuan tentang kerjaya, memberi sokongan verbal, emosional, kewangan dan sebagai *role model* kepada pelajar. Disamping itu, kajian ini mendapati rakan menjadi peramat yang paling rendah kepada penyesuaian kerjaya pelajar manakala guru memperoleh tahap yang sederhana dalam meramalkan penyesuaian kerjaya pelajar. Kajian ini juga mendapati penyesuaian kerjaya peramat kepada kesejahteraan subjektif kepada pelajar.

Sokongan Sosial

Pelbagai kajian berkaitan sokongan sosial telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Antaranya adalah Stoltz, Wolff, Monnse, Farris dan Mazahreh (2013) dalam kajian terhadap 230 orang pelajar prasiswazah bidang pendidikan yang mengukur penyesuaian kerjaya, punca stress dan

gaya hidup Adlerian mendapatkan tiada subskala penyesuaian kerjaya yang berhubungan dengan skala daya tindak stress yang melibatkan sokongan daripada keluarga dan rakan. Kajian ini menunjukkan sokongan sosial daripada keluarga dan rakan tidak menyumbang kepada daya tindak stress yang baik apabila berkaitan dengan penyesuaian kerjaya.

Seterusnya, Oztemel dan Akyol (2019) mendapatkan kebahagiaan, sokongan sosial dan orientasi masa hadapan mempengaruhi penyesuaian kerjaya pelajar. Kajian keatas 525 pelajar universiti di Turki mendapatkan kebahagiaan peramat terkuat penyesuaian kerjaya seseorang. Manakala individu yang mendapat sokongan sosial daripada ibu bapa, rakan sebaya dan individu signifikan mempunyai lebih penyesuaian kerjaya.

Disamping itu, Wang, Tao, Bowers, Brown dan Zhang (2017) mendapatkan sokongan rakan menunjukkan skor yang tinggi berbanding sokongan daripada rakan sekerja dan ibu bapa. Kajian ini turut menunjukkan sokongan rakan dan rakan sekerja memberi kesan positif kepada efikasi kendiri dan kesan tidak langsung terhadap daya tahan jururawat yang baru memasuki alam pekerjaan. Kajian ini menunjukkan kepentingan pihak pengurusan untuk memahami bagaimana sokongan rakan sekerja, efikasi kendiri yang tinggi dan mencipta persekitaran pekerjaan yang dapat meningkatkan efikasi kendiri pekerja.

Objektif Kajian

Objektif Kajian ini bertujuan:

- Untuk mengenal pasti tahap penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial dalam kalangan guru pelatih di sebuah universiti awam
- Untuk mengukur hubungan antara penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial guru pelatih di sebuah universiti awam

Ho1: Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial guru pelatih di sebuah universiti awam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk jenis deskriptif dan korelasi bagi mengukur tahap dan hubungan antara pemboleh ubah tersebut. Seramai 83 orang guru pelatih di sebuah universiti awam yang sedang dalam persediaan untuk menjalani internship terlibat sebagai responden kajian. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar fakulti pendidikan dari pelbagai jurusan iaitu jurusan Sukan dan Rekreasi, TESL dan Pendidikan Khas. Kajian yang telah dijalankan ini menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian untuk mengukur pembolehubah kajian iaitu penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah *Career Adapt Ability Scale* (CAAS) oleh Savickas dan Porfeli (2012) bagi mengukur penyesuaian kerjaya. Konstruk yang diukur adalah cakna diri, kawalan diri, sifat ingin tahu dan keyakinan diri. Bilangan item yang terdapat dalam instrumen ini adalah sebanyak 24 item dan menggunakan skala likert 5 poin. Kajian oleh Savickas dan Porfeli (2012) menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* kebolehpercayaan keseluruhan alat ujian ini adalah .92 manakala nilai *Alpha Cronbach* kebolehpercayaan bagi subskala cakna diri .79, kawalan diri .74, sifat ingin tahu .71 dan keyakinan diri .85. (Hui, Yen & Chen, 2017)

Alat ujian *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) dibangunkan oleh Zimet, Dahlem, Zimet & Farley (1988) digunakan untuk mengukur sokongan sosial dalam kajian ini. Alat ujian ini mengandungi 12 item dan terdapat 3 konstruk yang mengukur sokongan oleh keluarga, rakan dan individu signifikan. Skala yang digunakan dalam soal selidik ini adalah skala likert 7 poin. Soal selidik ini menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* kebolehpercayaan keseluruhan instrumen adalah .91 manakala bagi subskala keluarga mencatatkan nilai *Alpha Cronbach* .88, rakan .90 dan individu signifikan adalah .96. (Hui, Yuen & Chen, 2017).

Statistik yang digunakan untuk menjawab objektif adalah secara deskriptif (Min, sisihan piaawai, peratus dan kekerapan), dan inferensi (*Pearson Correlation*). Data dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi Statistik 23.0.

DAPATAN KAJIAN

Data kajian telah dianalisis berdasarkan objektif kajian dengan menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif dilaksanakan untuk

melihat tahap penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial guru pelatih manakala analisis inferensi dilaksanakan untuk melihat perhubungan antara penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial guru pelatih. Berikut merupakan dapatan kajian.

Hasil keputusan bagi pembolehubah penyesuaian kerjaya menunjukkan skor Min sebanyak 4.07, SP .602. Bagi dimensi cakna diri mencatatkan skor Min sebanyak 4.03, SP .699, kawalan diri dengan skor Min 4.09 SP .659, sifat ingin tahu dengan nilai Min 4.05, SP .685 dan dimensi keyakinan diri dengan skor Min 4.11, SP .602.

Hasil keputusan bagi pembolehubah sokongan sosial pula menunjukkan skor Min sebanyak 5.39, SP 1.182. Bagi dimensi dibawah sokongan sosial iaitu dimensi keluarga menunjukkan skor Min sebanyak 5.92, SP 1.150, rakan dengan skor Min 5.33, SP 1.402 dan individu signifikan dengan skor Min 4.91, SP 1.702. Jadual 1 menunjukkan hasil analisis deskriptif iaitu min, sisihan piawai dan nilai *Alpha Cronbach* bagi pembolehubah penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial.

Jadual 1: Analisis Deskriptif Penyesuaian Kerjaya dan Sokongan Sosial

Pembolehubah & dimensi	Min	Sisihan piawai	<i>Alpha Cronbach</i>
Penyesuaian kerjaya	-	-	.962
Cakna diri	4.03	.699	.898
Kawalan diri	4.09	.659	.872
Sifat ingin tahu	4.05	.685	.919
Keyakinan diri	4.11	.662	.921
Min keseluruhan CAAS	4.07	.602	-
Sokongan sosial	-	-	.930
Keluarga	5.92	1.150	.862
Rakan	5.33	1.402	.944
Individu signifikan	4.91	1.702	.961
Min keseluruhan MSPSS	5.39	1.182	-

Tahap Penyesuaian kerjaya

Keputusan kajian menunjukkan tahap penyesuaian kerjaya guru pelatih secara keseluruhannya berada di tahap tinggi iaitu seramai 64 orang (77.1%) responden manakala penyesuaian kerjaya di tahap sederhana pula mencatatkan bilangan seramai 19 orang (22.9%) responden. Bagi subskala cakna diri dalam penyesuaian kerjaya mendapat seramai 66 orang (79.5%) responden mencatatkan tahap penyesuaian yang tinggi dan seramai 17 orang (20.5%) responden berada di tahap sederhana.

Seterusnya, subskala kawalan diri mendapati seramai 69 orang (77.1%) responden berada di tahap penyesuaian yang tinggi manakala 19 orang (22.9%) responden berada di tahap penyesuaian yang sederhana. Selain itu, bagi subskala sifat ingin tahu dan keyakinan diri, setiap satu menunjukkan seramai 66 orang (79.5%) responden berada di tahap tinggi manakala seramai 17 orang (20.5%) responden berada di tahap sederhana.

Jadual 2: Analisis Tahap Penyesuaian Kerjaya

Pembolehubah	Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Penyesuaian kerjaya	Sederhana	19	22.9
	Tinggi	64	77.1
	Jumlah	83	100.0
Cakna diri	Sederhana	17	20.5
	Tinggi	66	79.5
	Jumlah	83	100.0
Kawalan diri	Sederhana	19	22.9
	Tinggi	69	77.1
	Jumlah	83	100.0
Sifat ingin tahu	Sederhana	17	20.5
	Tinggi	66	79.5
	Jumlah	83	100.0
Keyakinan diri	Sederhana	17	20.5
	Tinggi	66	79.5
	Jumlah	83	100.0

Tahap sokongan sosial

Jadual 3 menunjukkan keputusan bagi tahap sokongan sosial guru pelatih. Keputusan kajian menunjukkan secara keseluruhannya 58 orang (69.9%) responden mempunyai tahap sokongan sosial yang tinggi manakala seramai 21 orang (25.3%) berada di tahap sederhana dan seramai 4 orang (4.8%) responden mempunyai tahap sokongan sosial yang rendah. Selain itu, subskala sokongan dari keluarga berada di tahap tinggi dengan kesemua 83 orang (100.0%) responden bersetuju menerima sokongan yang tinggi dari keluarga. Manakala sokongan dari rakan dan individu signifikan turut berada dalam lingkungan tahap tinggi iaitu 81 orang (97.6%) bagi sokongan dari rakan dan 80 orang (96.4%) responden bagi sokongan dari individu signifikan.

Jadual 3: Analisis Tahap Sokongan Sosial

Pembolehubah	Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sokongan sosial	Rendah	4	4.8
	sederhana	21	25.3
	Tinggi	58	69.9
	Jumlah	83	100.0
Keluarga	Tinggi	83	100.0
	Jumlah	83	100.0
Rakan	Sederhana	2	2.4
	Tinggi	81	97.6
	Jumlah	83	100.0
Individu signifikan	Sederhana	3	3.6
	Tinggi	80	96.4
	Jumlah	83	100.0

Hubungan antara Penyesuaian dan Sokongan Sosial

Analisis korelasi pearson digunakan untuk menguji kekuatan hubungan linear antara setiap pembolehubah kajian. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penyesuaian dan sokongan rakan $r = .216$, $p < .05$. Bagaimana pun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penyesuaian kerjaya dengan sokongan keluarga $r = .127$, $p > .05$. dan sokongan individu signifikan, $r = .048$, $p > .05$. Setiap hubungan antara pembolehubah ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 4: Hubungan antara Penyesuaian dan Sokongan Sosial

Pembolehubah Sokongan Sosial	Penyesuaian Kerjaya
Keluarga	.127
Rakan	.252
Individu signifikan	.216*
	.050
	.048
	.666

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan penyesuaian dan sokongan sosial daripada keluarga, rakan dan individu signifikan guru pelatih berada di tahap yang tinggi. Kajian ini juga mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara penyesuaian dan sokongan dari rakan, namun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penyesuaian kerjaya dengan keluarga dan individu signifikan.

Kajian ini menunjukkan penyesuaian kerjaya guru pelatih dipengaruhi oleh rakan, seiring dengan dapatan kajian oleh Wang et al. (2017) yang mendapat sokongan rakan menunjukkan skor yang tinggi berbanding sokongan daripada rakan sekerta dan ibu bapa dalam penyesuaian kerjaya. Individu yang mendapat sokongan sosial daripada ibu bapa, rakan sebaya dan individu signifikan mempunyai lebih penyesuaian kerjaya.

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan oleh Sahin dan Kirdok (2018) yang mendapat sokongan sosial daripada keluarga merupakan peramat yang tinggi kepada penyesuaian kerjaya pelajar. Disamping itu, kajian ini mendapat rakan menjadi peramat yang paling rendah kepada penyesuaian kerjaya pelajar manakala guru memperoleh tahap yang sederhana dalam meramalkan penyesuaian kerjaya pelajar. Hal ini adalah kerana sokongan yang diperoleh daripada keluarga seperti pengetahuan tentang kerjaya, sokongan verbal, emosional dan kewangan serta sebagai *role model* kepada pelajar. Begitu juga dapatan kajian oleh Stoltz, Wolff, Monnse, Farris dan Mazahreh (2013) menunjukkan sokongan sosial daripada keluarga dan rakan tidak menyumbang kepada daya tindak stress yang baik apabila berkaitan dengan penyesuaian kerjaya.

Kajian ini merupakan sumbangan baru dalam bidang pendidikan untuk memahami perubahan generasi memberi kesan kepada penyesuaian kerjaya pada hari ini. Ketika zaman persekolahan pengaruh daripada keluarga kuat, tetapi apabila memasuki alam universiti, pengaruh dan sokongan daripada rakan lebih kuat dan menonjol. Hal ini adalah kerana guru pelatih lebih banyak menghabiskan masa di universiti bersama rakan dan banyak berkongsi tentang perkembangan dan situasi yang dihadapi di kelas dan ketika menjalani latihan internship.

Disamping itu, kajian ini memberi implikasi terhadap peranan kaunselor dalam membangunkan program kerjaya pelajar dari aspek penyesuaian

dan sokongan sosial. Bahkan, kajian ini juga memberi implikasi kepada guru pelatih agar mereka sedar kepentingan sokongan sosial dalam jangka panjang bagi pembentukan diri yang sejahtera. Kajian ini juga dilihat dapat memberi kesedaran kepada guru pelatih agar dapat menyediakan diri dengan persediaan yang lengkap dari segi emosi, mental dan fizikal sebelum menjalani latihan praktikum dan menghadapi alam pekerjaan yang sebenar.

Cadangan kajian ini adalah (i) kaunselor perlu mengetahui dan berkemahiran dalam penggunaan sesuatu instrumen; dan (ii) kajian lanjutan hendaklah memberi tumpuan kajian berbentuk eksperimen bagi mengukur kesan terhadap sesuatu program kerjaya yang dilaksanakan.

RUMUSAN

Secara kesimpulannya, kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui tahap dan hubungan antara penyesuaian kerjaya dan sokongan sosial dalam kalangan guru pelatih. Kajian ini memberi nilai tambah kepada kajian yang sedia ada kerana dapatan yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu dalam aspek perkembangan diri guru pelatih dan kaunselor. Hal ini adalah kerana guru pelatih dapat mengetahui sokongan dari siapa yang dapat meningkatkan tahap penyesuaian serta kaunselor dapat melaksanakan sesi kaunseling yang lebih efektif apabila berhadapan dengan isu penyesuaian kerjaya pelajar.

RUJUKAN

- Aysenur buyukgoze-kavas. (2016). Predicting Career Adaptability From Positive Psychological Traits. *The Career Development Quarterly*, 64.
- Brannon, L. & Feist, J. (2004). Health Psychology: An Introduction To Behaviour And Health. Toronto, Canada: Thomson Wadsworth.
- İrem sahin & Oguzhan Kirdok. (2018). Investigation of Relationship between High School Students' Career Adaptability, Subjective Well-Being and Perceived Social Support. *International Education Studies*. Vol 11. no 8.

-
- Kemal Oztemel & Elvan Akyol. (2019). The Predictive Role of Happiness, Social Support, and Future Time Orientation in Career Adaptability. *Journal of Career Development*.
- Kevin, B., Stoltz Lori, A., Wolff Ann, E., Monroe Harold, R., Farris Laith, G., & Mazahreh. (2013). Adlerian Lifestyle, Stress Coping, and Career Adaptability: Relationships and Dimensions. *The Career Development Quarterly*, 61(3).
- Lakey, B., & Orehek, E. (2011). Relational Regulation Theory: A New Approach To Explain The Link Between Perceived Social Support And Mental Health. *Psychological Review*. 118(3), 482-495.
- Lin Wang, Hong Tao, Barbara J. Bowers, Roger Brown, & Yaqing Zhang. (2017). Influence of Social Support and Self-Efficacy on Resilience of Early Career Registered Nurses. *Western Journal of Nursing Research*.
- Richard S. Sharf. (2013). *Applying Career Development Theory to Counseling*. 6th Edition. Cengage Learning publication.
- Robert D. Fantilli & Douglas E. McDougall. (2009). A Study Of Novice Teachers: Challenges And Supports In The First Years. *Teaching and Teacher Education*, 25(6), 814-825.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd. Norahim Moh. Sani, & Aizan Sofia Amin. (2016). Hubungan Antara Kesunyian Dan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Wanita Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 30 (1)152-159.
- Savickas, M. L. (2005). The Theory And Practice Of Career Construction. In R. W. Lent & S. D. Brown (Eds.), *Career Development And Counseling: Putting Theory And Research To Work*. 42–70.
- Savickas, M.L. & Porfeli, E.J. (2012). Career Adapt-Abilities Scale: Construction, Reliability and Measurement Equivalence across 13 Countries. *Journal of Vocational Behaviour*. 661-673.
- Sílvia Correia Monteiro & Leandro S. Almeida. (2015). The Relation Of Career Adaptability To Work Experience, Extracurricular Activities, And Work Transition In Portuguese Graduate Students. *Journal of Vocational Behavior*.
- Tracy Hui, Mantak Yuen, & Gaowei Chen. (2017). Career Adaptability, Self-Esteem, and Social Support Among Hong Kong University Students. *The Career Development Quarterly*, 66.

- Zimet, G. D., Dahlem, N. W., Zimet, S. G., & Farley, G. K. (1988). The Multidimensional Scale of Perceived Social Support. *Journal of Personality Assessment*, 52, 30–41.